

06/09/2001

UM sokong perketat syarat kemasukan

KUALA LUMPUR, Rabu - Universiti Malaya (UM) mengalu-alukan tindakan mengetatkan syarat kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan berdasarkan meritokrasi dan tanpa bantuan kerajaan.

Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain, berkata langkah itu perlu bagi menjamin mutu pendidikan IPTA tempatan tidak terjejas dan memastikan hanya mereka yang benar-benar layak terpilih untuk jurusan tertentu.

"UM sudah mengadakan perbincangan mengenai isu ini dengan Kementerian Pendidikan dan sedia menerima pakai pelaksanaannya bagi menapis pelajar yang tidak cukup kelayakan asas bagi mengikuti kursus peringkat ijazah.

"Kerajaan serta ibu bapa membelanjakan wang yang banyak bagi membolehkan pelajar mendapat pendidikan di IPTA dan peluang ini tidak wajar ditawarkan kepada mereka yang tiada kesungguhan untuk belajar.

"Kalau seseorang pelajar itu tidak sanggup memenuhi tanggungjawab belajar dengan tekun untuk lulus cemerlang, jangan datang ke IPTA dan membuang masa kami di sini," katanya selepas majlis penyampaian sumbangan kepada Tabung Baik Pulih Dewan Tunku Canselor di sini, hari ini.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dasar meritokrasi akan dilaksanakan secara berperingkat bagi jurusan sastera serta sains dan teknologi selain pengajian agama.

Katanya, kemasukan dalam bidang pengajian agama juga perlu berdasarkan meritokrasi bagi memastikan pengajarannya benar-benar mengenai agama tanpa membabitkan unsur politik supaya tidak ada ajaran yang menjurus kepada kempen anti atau membenci kerajaan.

Prof Dr Anuar berkata, masalah keciciran pelajar di UM agak ketara dalam fakulti berasaskan sains tetapi setakat ini tiada pelajar terbabit dalam kegiatan yang menyeleweng daripada agama Islam atau militan.

Kata beliau, secara purata tahunan, hanya kira-kira dua peratus daripada pelajar sesuatu jurusan memilih untuk berhenti kerana tidak dapat mengikuti kursus masing-masing.

"UM juga melakukan pemantauan berterusan terhadap semua pelajar, persatuan pelajar serta kakitangan institusi ini bagi mengesan dan membanteras penularan sebarang kegiatan negatif di kampus.

"Pada masa sama, kita juga sedang mengkaji beberapa kurikulum sedia ada bagi memastikan masa setiap pelajar dipenuhi dengan kegiatan bermanfaat untuk mengelakkan mereka terpengaruh dengan anasir luar.

"Selain membekalkan pelajar dengan kelayakan akademik, UM mahu membentuk peribadi serta perwatakan mereka supaya dapat menyesuaikan diri dengan dunia luar tanpa masalah," katanya.

(END)